

# UPM anjur Kongres Pertanian Antarabangsa

**SERDANG:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Pertaniannya akan menganjurkan Kongres Pertanian Antarabangsa 2012 pada 4 hingga 6 September ini.

Kongres kali kelima itu akan diadakan di Marriot Hotel Putrajaya untuk membincang dan meneroka pelbagai strategi serta proses inovasi dalam melaksanakan pelan transformasi pertanian yang berhubungkait dengan isu keselamatan makanan global.

Dekan Fakulti Pertanian, Prof Dr Mad Nasir Shamsudin, berkata peserta yang terabit secara langsung dalam pengeluaran produk hulu dan hiliran pertanian tropika tempatan dan global berpeluang berkongsi idea, ilmu serta teknologi dengan penyelidik tempatan dan antarabangsa dalam kongres itu.

"Kongres bertemakan Transformasi Pertanian Untuk Tuaian Masa Depan ini juga dapat mempertingkatkan jaringan kerjasama antara UPM dengan pihak luar dalam bidang berkaitan," katanya menerusi satu kenyataan kepada BH semalam.

## Disertai pakar

Penyertaan dijangka membatik lebih 300 tenaga akademik, penyelidik, pelajar, peng-

usaha dan pembekal alat pertanian selain penggubal polisi serta pengamal pertanian, sementara topik perbincangan termasuk pendedahan kepada teknologi pertanian terkini, merangka cadangan inovasi, strategi dan dasar meningkatkan bekalan makanan dunia, menilai dan meramal kesan perubahan iklim.

Selain itu, katanya kongres juga membincangkan pelbagai aspek berkaitan pengeluaran tanaman, haiwan ternakan dan akuakultur, tanaman masa depan, perubahan iklim, ekonomi pengeluaran dan perniagaan tani.

"Peserta akan dibawa melawat beberapa tempat menarik berkaitan pengeluaran dan aktiviti pertanian seperti penanaman padi dan sayuran, ternakan haiwan dan ikan air tawar serta agro-pelancongan atau homestay," katanya.

## INFO

- **Maklumat** lanjut tentang kongres boleh hubungi Prof Madya Dr Yahya Awang dari Fakulti Pertanian UPM
- **Telefon:** 03-8947-4805
- **Faks:** 03-8940-8319
- **E-mel** yahya\_awang@putra.upm.edu.my
- **Laman** sesawang [www.agri.upm.edu.my/congress2012](http://www.agri.upm.edu.my/congress2012).